

05/02/2003

PM minta pemaju bandar baru contohi Putrajaya

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Pemaju membangunkan bandar diminta menyediakan kawasan hijau, taman dan tasik seperti yang dilakukan Putrajaya Holdings dalam membina dan membangunkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun tumpuan pembangunan bandar adalah kepada bangunan dan struktur konkrit dan besi, usaha harus dilakukan bagi mengekalkan ciri kehijauan seperti di Putrajaya.

Perdana Menteri berkata, selain menanam pokok baru, Putrajaya mewujudkan

13 taman dan ia adalah satu rekod bagi sebuah bandar seluas 4,500 hektar.

"Walaupun tasik menyebabkan sebahagian besar tanah yang dimiliki Putrajaya Holdings dikorbankan, namun dengan tasik dan taman ini, nilai harta di Putrajaya meningkat berkali ganda

"Justeru, walaupun terpaksa korbakan sedikit tanah untuk tasik dan taman, ia memberi pulangan besar kepada pemaju untuk mana-mana projek pembangunan di negara ini," katanya merasmikan sambutan ulang tahun kedua

Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Taman Botani Putrajaya, di sini semalam.

Seramai 35,000 pengunjung, termasuk Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta pegawai dan kakitangan kerajaan kini menetap di Putrajaya.

Perdana Menteri juga dibawa melawat sekitar taman yang mempunyai kira-kira 700 spesies tumbuhan-tumbuhan tropika dari lebih 90 negara, termasuk yang diancam kepupusan.

Sempena perasmian taman itu, Dr Mahathir menyemai pokok palma dikenali sebagai *Johannesteijsmannia Perakensis* yang hanya boleh ditemui di Perak.

Pokok palma yang digunakan sebagai logo rasmi Taman Botani itu dikatakan mengambil masa sekurang-kurangnya 30 tahun untuk berbunga.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut diberi kad keahlian pertama taman itu. Sambutan turut dimeriahkan persembahan tarian oleh kanak-kanak yang memakai pakaian beragam pelbagai tumbuhan.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan menteri Kabinet.

Dr Mahathir yang menganggap Putrajaya satu fenomena daripada kawasan kebun kelapa sawit kepada sebuah bandar yang begitu menarik berkata, harga tanah akan meningkat dan seseorang perlu sanggup membayar lebih sedikit kerana keindahan kawasan ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini juga boleh berbangga berikutan ramai pelawat kagum cara Putrajaya dirancang dan dibangunkan.

"Walaupun masih dalam proses pembinaan, Putrajaya tidak nampak seperti tapak binaan. Sebaliknya bandar ini sudah nampak dewasa," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berharap boulevard sepanjang 4.5 kilometer dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Pusat Konvensyen yang akan

menjadi tuan rumah Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC) Oktober ini dapat disiapkan untuk perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

Beliau yakin boulevard itu akan menjadi identiti baru negara seperti Champs Elysees di Paris yang menjadi lokasi perarakan Hari Kebangsaan negara itu.

Mengenai Taman Botani Putrajaya, Dr Mahathir berkata, rakyat harus berbangga dengan taman terbesar seperti itu kerana mempunyai pelbagai jenis pokok dan tumbuh-tumbuhan.

Beliau berharap orang ramai dapat menggunakan kemudahan taman itu untuk melihat pelbagai tumbuhan dan pokok di negara ini.

"Mustahil bagi orang ramai melihat tumbuh-tumbuhan yang ada di Malaysia dengan masuk ke hutan. Taman Botani ini diharap menjadi punca untuk kita mengenali kekayaan tumbuh-tumbuhan dan pokok yang di negara ini.

"Saya yakin di sini akan dikumpulkan segala jenis pokok dan tumbuhan yang sukar dilihat rakyat biasa," katanya.